# Perkemas sistem pengurusan sampah

BH ONLINE | Isnin, 28 Oktober 2019 | 8:23pm



Zuraida (dua dari kiri) mengadakan lawatan tapak ke 'KT Sentral' di Kuala Terengganu, hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA TERENGGANU: Kerajaan sedang menjalankan usaha memperkemas proses pelupusan sampah dan pengurusan sisa pepejal supaya lebih tersusun dan terancang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata Terengganu antara negeri yang akan menaik taraf empat pusat pelupusan sampah yang bakal menggunakan teknologi terkini.

Walaupun kadar penghasilan sampah di Terengganu di tahap sederhana, kira-kira 500 tan sehari berbanding negeri maju seperti Selangor yang jauh lebih tinggi iaitu kira-kira 7,000 tan sehari dan Kuala Lumpur 3,000 tan sehari, sistem pengurusan sampah dan sisa pepejal di negeri ini tidak tersusun.

Justeru, pusat pengumpulan sampah di Sungai Ikan, Setiu; Pengkalan Keling (kini dikenali Paya Rawa) di Besut; Tertak Batu, Marang dan Bukit Jemalang, Kemaman, akan dinaiktaraf dalam masa terdekat.

"Empat pusat pelupusan sampah utama itu hanya tempat pengumpulan sampah dan bukan pusat pelupusan sampah yang teratur dan bersistem.

"Justeru, ia perlu dinaiktaraf dan kita akan menggunakan beberapa teknologi. Memandangkan kapasiti sampah di Terengganu belum sampai ke peringkat tinggi, kita akan gunakan teknologi lebih kecil antaranya dari segi pengasingan sampah dan memproses sisa makanan, manakala bakinya akan masuk ke pelupusan sampah.

"Selain menggunakan insinerator, kita akan proses sisa sampah untuk jadikan gas dan tenaga. Kalau sistemnya sudah teratur, kemudian apabila negeri ini semakin